

#KitaSelangor



PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



BULETIN 1 /
2024

BULETIN 1 / 2024

TIP KESELAMATAN MEMANDU SEMASA HUJAN LEBAT

Elakkan menekan brek jika kenderaan anda terbabas.

Biarakan kenderaan anda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalaukan kenderaan anda ke arah yang selamat.



Jangan memandu terlalu rapat dengan kenderaan di hadapan. Jalan raya menjadi licin semasa hujan – jika kenderaan di hadapan menekan brek secara tiba-tiba, anda mungkin tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk berhenti.



Elakkan memandu di lorong kanan.

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin melanggar lopak air lalu menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda.



Jangan nyalakan lampu amaran bahaya.

Ia hanya boleh digunakan semasa kereta anda berhenti atas sebab-sebab kecemasan.



Berhenti di hentian rehat untuk mengelakkan kemalangan jika hujan bertambah lebat dan penglihatan terjejas oleh kabus dan cuaca yang gelap.



Pandu perlahan. Kelajuan melebihi 80km/j akan menyebabkan kenderaan anda meluncur.

Ia berlaku apabila tayar tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan kenderaan meluncur ke hadapan.



Sumber: Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia

#KitaSelangor



PROGRAM DAN AKTIVITI



<https://www.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



<https://twitter.com/pdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabat.sabakbernam>

JANUARI

2024

Majlis

MENANAM PADI DI SEKINCHAN SEMPENA KEBERANGKATAN TIBA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YDPA

Januari 05, 2024 / Jumaat

**Yang di-Pertuan Agong,
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin
Al-Mustafa Billah Shah,
berkenan berangkat ke Galeri
Padi dan Pusat Jualan Beras
yang telah berlangsung pada 5
Januari 2024 (Jumaat).**

Keberangkatan tiba baginda pada jam 10 pagi disambut Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Bin Shari dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Bin Sabu. Turut hadir Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail.

Galeri Padi yang dibina dalam kilang memproses padi milik PLS Marketing (M) Sdn Bhd menjadi tarikan pelancong bagi mendalami ilmu dan sejarah penanaman padi tempatan. Pada program sama, Seri Paduka Baginda turut berkenan mencuba mengendalikan mesin menuai dan menanam padi. Selesai program, baginda melawat bangunan kilang baharu milik PLS setinggi lima tingkat untuk meninjau keindahan pemandangan sawah padi dan sekitarnya dari atas bumbung bangunan.



PROGRAM IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DAN PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



**PROGRAM INI TELAH DIRASMIKAN
OLEH YBHG DATO' HAJI ALIAS BIN
SALIM (PENGARAH SPRM NEGERI
SELANGOR).**

Bacaan ikrar bebas diketuai oleh Tuan Amri Bin Ismail, Pegawai Daerah Sabak Bernam disertai oleh staf PDTSB dari pelbagai unit yang bertempat di Dewan Seri Bernam pada 11 Januari 2024 (Khamis).

Dengan adanya program ini diharapkan staf PDTSB mematuhi undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa.



KEJOHANAN BADMINTON SUKAN PEJABAT TANAH DAN DAERAH NEGERI SELANGOR KE-14 TAHUN 2023 (PETANDA)



Kejohanan Badminton Sukan Pejabat Tanah Dan Daerah Negeri Selangor ke-14 tahun 2023 (PETANDA) telah berlangsung di Manjung Badminton Club, Manjung Perak pada 12 dan 13 Januari 2024 (Jumaat dan Sabtu). PDTSB turut menghantar pasukan badminton untuk bersaing dalam kejohaan ini dengan harapan merebut gelaran juara badminton Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor KE-14 Tahun 2023 (PETANDA).



PROGRAM GOTONG-ROYONG MADANI EKSA PDTSB 2024



Program gotong-royong MADANI EKSA Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam telah berlangsung pada 31 Januari 2024 (Rabu). Kesemua kakitangan PDTSB dari pelbagai unit telah turut serta dalam menjayakan program tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti senam aerobik, serahan alatan gotong-royong di semua zon, perasmian tanaman herba serta lawatan pegawai daerah ke setiap zon EKSA.

FEBRUARI

2024

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI-39 PUSPANITA DAERAH SABAK BERNAM

Mesyuarat Agung Tahunan Kali-39 Puspanita Daerah Sabak Bernam telah berlangsung pada 19 Februari 2024 (Isnin) di Dewan Seminar, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Sungai Besar.

Program ini dirasmikan oleh Encik Zainal bin Bahaudin (Ketua Penolong Pegawai Daerah, Bahagian Khidmat Pengurusan) yang mewakili Pegawai Daerah Sabak Bernam. Tujuan program ini untuk mengeratkan silaturrahim sesama ahli Puspanita.



PROGRAM AUDIT PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) PDTSB TAHUN 2024



Program audit pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam Tahun 2024 telah berlangsung pada 20 hingga 22 Februari 2024 (Selasa hingga Khamis). Secara umumnya, PDTSB telah melaksanakan EKSA dan mematuhi kebanyakan keperluan penilaian kriteria EKSA, menurut Puan Norbaini binti Mohamad Zainudin selaku ketua panel Juruaudit EKSA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam sesi mesyuarat penutupan pengauditan EKSA PDTSB 2024.



میلاد
2024

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 DAN JASAMU DIKENANG TAHUN 2024 PDT SABAK BERNAM

Mac 08, 2024 | Jumaat



Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023 Dan Jasamu Dikenang Tahun 2024 PDT Sabak Bernam pada 8 Mac 2024 (Jumaat) bertempat di Inap D'bondang Homestay, Sungai Besar.

Majlis yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pegawai dan kakitangan serta meraikan mereka yang telah bertungkus lumus dalam memberikan khidmat dan sumbangan di PDTSB. Di samping itu adalah untuk menghargai kakitangan yang akan bersara pada tahun 2023.



Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua penerima anugerah dan diharapkan anugerah seperti ini menjadi satu suntikan semangat kepada kakitangan lain untuk berusaha dalam meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan di PDTSB.





ISNIN BERSAMAAN 7
RAMADAN 1445H



MAJLIS PERASMIAN MASJID DAN MAJLIS BERBUKA PUASA DYMM SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA 1445H



DULI YANG MAHA MULIA (DYMM) SULTAN SELANGOR, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ BERKENAN BERANGKAT MERASMIKAN MASJID AN NUR, PEKAN SELASA LAMA, SUNGAI HAJI DORANI, SUNGAI BESAR PADA 18 MAC 2024, HARI ISNIN BERSAMAAN 7 RAMADAN 1445H. KETIBAAN BAGINDA PADA 6.25 PETANG YANG DIIRINGI RAJA MUDA SELANGOR TENGKU AMIR SHAH SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ DISAMBUT MENTERI BESAR DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI SERTA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI DATO' HAJI HARIS BIN KASIM. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ TURUT BERKENAN BERBUKA PUASA BERSAMA RAKYAT DAN MENYAMPAIKAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA 458 PENERIMA TERDIRI DARIPADA GOLONGAN ASNAF, FAKIR MISKIN DAN MUALAF BAGI DAERAH SABAK BERNAM DENGAN JUMLAH KESELURUHAN RM229,500.00. BAGINDA JUGA BERKENAN MELAFAZKAN TITAH PERASMIAN MASJID AN-NUR SEBELUM MENANDATANGANI PLAK PERASMIAN BAGI MENYEMPURNAKAN ACARA ITU. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ TURUT MENUNAIKAN SOLAT MAGHRIB, ISYAK DAN SOLAT SUNAT TERAWIH BERSAMA RAKYAT.



JUTAAN TERIMA KASIH

PDTSB

**TUAN AMRI BIN ISMAIL
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR
ENCIK ZAINAL BIN BAHAUDIN
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM
TUAN MOHAMMAD SUHAIMI BIN TUAN PA
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL
ENCIK SARIFUDIN BIN MOKHTAR
ENCIK FADZIL HANAFI BIN MOHAMAD
MUHAMMAD HAFIDZ MURSHIDI BIN MOHD
ZULKEPLI**

DAN SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT
SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG
DALAM MENJAYAKAN BULETIN PDTSB BIL. 01/2024
(JANUARI HINGGA MAC 2024)